

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS
@ TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 [RABU]

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana Kementerian dapat memainkan peranan dalam menjamin kesejahteraan penduduk PPR selepas insiden lif terhempas di PPR Kerinchi dan adakah PBT akan mengambil inisiatif untuk menggantikan lif-lif yang telah berusia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mengambil berat akan kesejahteraan penduduk sama ada yang menghuni di perumahan berstrata kos rendah swasta atau awam.
2. Antara inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan adalah dengan menggubal dan melaksanakan Dasar Komuniti Negara (DKOMN) yang bertujuan untuk menangani isu sosial perumahan di peringkat komuniti setempat, khususnya di kawasan perumahan berstrata kos rendah di seluruh negara.

3. Objektif utama Dasar Komuniti Negara adalah untuk mendayaupayakan (*empowering*) komuniti setempat supaya mereka boleh melibatkan diri secara aktif dalam pengurusan dan penyelenggaraan harta awam dan harta bersama yang merupakan sebahagian daripada tempat tinggal mereka. Ini adalah selaras dengan Kluster 1 DKOMN iaitu Infrastruktur dan Penyelenggaraan di mana di bawah Strategi 1.2, Kerajaan ingin mempergiat penglibatan komuniti dalam pengurusan dan penyelenggaraan harta bersama.

4. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, KPKT juga ada menyediakan peruntukan bagi penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah awam dan swasta melalui Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) bagi perumahan swasta.

5. Kedua-dua program ini merupakan inisiatif secara *one-off* dalam membantu penghuni-penghuni perumahan yang terlibat bagi membaik pulih dan menyenggara bangunan dan harta bersama. Antara skop kerja pembaikan yang terlibat adalah seperti mengganti bumbung, tangki air dan pendawaian elektrik termasuklah mengganti lif yang rosak.

6. Pada tahun 2020, peruntukan untuk program penyelenggaraan perumahan di bawah PPP dan TPPM adalah sebanyak RM100 juta sebagaimana yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2020. Peruntukan ini termasuklah untuk kerja-kerja penyelenggaraan lif di perumahan berstrata kos rendah awam dan swasta.

7. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri perlu mengenal pasti kawasan/ perumahan yang memerlukan bantuan melalui program ini dan mengemukakan permohonan kepada KPKT untuk tujuan penyaluran peruntukan ke atas kerja-kerja pembaikan yang akan dilaksanakan. Kelulusan daripada pihak KPKT pula adalah tertakluk kepada peruntukan tahunan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

8. Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan Negeri/PBT sebagai pemilik lif di PPR yang mempunyai lif untuk memastikan kontrak penyelenggaraan sentiasa diperbaharui di samping melantik kontraktor lif yang kompeten untuk memeriksa dan menyenggara lif mengikut jadual penyelenggaraan berkala.

9. Akhir sekali, peranan semua pihak amat diperlukan bagi memastikan setiap komuniti perumahan yang tinggal di perumahan strata dapat menikmati kehidupan yang selesa, selamat dan kondusif di tempat tinggal mereka sendiri seterusnya dapat mengelakkan insiden seperti lif terhempas berulang.

Sekian, terima kasih.